



PERAK

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG
IKLAN TAWARAN / NOTIS SEBUT HARGA
BIL. PDM 04 / 2020**

Tawaran adalah dipelawa di kalangan pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan bertaraf bumiputera dalam bidang berkaitan untuk menyertai sebut harga seperti berikut:

NOMBOR SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG BEKALAN
PDM 04 / 2020	Menaiktaraf, menyelenggara, menguji dan mentauliah rangkaian komputer Pejabat Daerah dan Tanah Manjung	210102 / 210105

2. Untuk makluman, tuan / puan boleh mendapatkan iklan sebut harga berkenaan melalui Portal Rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Manjung di alamat <https://pdtmanjung.perak.gov.my>.
3. **Lawatan tapak** akan diadakan pada **1 Oktober 2020 (10.00 pagi)**. Dokumen sebut harga boleh diperolehi **selepas lawatan tapak**. Dokumen juga boleh dibeli pada waktu pejabat dari **8.30 pagi hingga 1.00 petang dan 2.30 petang hingga 4.30 petang bagi Isnin hingga Khamis**, manakala pada hari **Jumaat** dari **pukul 8.30 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 3.00 petang hingga 4.30 petang** di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah dan Tanah Manjung, Kompleks Pentadbiran Daerah Manjung, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan**.
4. Dokumen sebut harga dikeluarkan kepada pembekal yang sah dengan membawa **cop syarikat, pendaftaran kod bidang berkaitan** serta **sijil berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** yang asal dan satu salinan hendaklah diserahkan kepada pentadbiran ini mengikut kelayakan seperti yang dinyatakan di atas. **Penyebut harga perlu menyediakan bayaran sebanyak RM 20.00 secara tunai sahaja**. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada syarikat yang akan menghadiri lawatan tapak sahaja.
5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri ditulis **'SEBUT HARGA 04 / 2020'** pada sudut atas sebelah kiri sampul, dialamatkan kepada **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah dan**

6. Sampul sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan di kaunter **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah dan Tanah Manjung, Kompleks Pentadbiran Daerah Manjung, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan pada atau sebelum 8 Oktober 2020 (Khamis)** tidak lewat daripada jam **12.00 tengah hari**. Pentadbiran ini tidak bertanggungjawab terhadap sebut harga yang lewat atau hilang jika dihantar melalui pos. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
7. Sebarang tawaran yang berbentuk rasuah atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi kedudukan Lembaga Sebutharga akan menyebabkan sebut harga tersebut ditolak serta merta.
8. Pihak Kerajaan tidak terikat kepada mana-mana tawaran yang tertinggi atau mana-mana tawaran sekalipun. Sebut harga yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas tidak akan dilayan. Keputusan Kerajaan adalah muktamad.
9. Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini boleh menghubungi pegawai dari Pejabat Daerah dan Tanah Manjung seperti berikut :-

- 9.1 Puan Amirah binti Abdul Rashid; dan
- 9.2 Encik Mohd Firdaus bin Mohd Yusof

Nombor Telefon : +605 688 1120 / 6270 / 2117

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZULHISHAM BIN AHMAD SHUKORI)

Pegawai Daerah Manjung

Tarikh : 24 SEPTEMBER 2020

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"